

RETENTION DALAM KALANGAN GURU-GURU
SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN
KURANG MURID DAERAH SIPITANG.

ROSNI CHUNG @ ROSNI ABDULLAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH




DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)

SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2007

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



ROSNI CHUNG @ ROSNI ABDULLAH
PS05-006(K)-020
16 APRIL 2007



PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

☐

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

TARIKH: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Vincent Pang selaku penyelia sepanjang kajian dan proses penulisan disertasi ini. Segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberi banyak membantu dalam menjayakan kajian dan penulisan disertasi. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pelajaran Negeri Sabah kerana memberi kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian di lapang buah sekolah kurang murid di daerah Sipitang.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada semua Guru Besar dan guru sekolah kurang murid yang terlibat dalam kajian ini. Sesungguhnya kerjasama mereka telah membolehkan kajian ini dilaksanakan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan kepada semua pensyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah yang membuka minda saya dalam menghasilkan penulisan yang berkualiti.

Kepada suami dan seluruh ahli keluarga saya, terima kasih atas dorongan, kesabaran dan sokongan yang diberi. Segala pengorbanan kalian menjadi kekuatan kepada saya untuk terus berusaha.

Semoga Allah memberkati segala jasa baik kalian.



ROSNI CHUNG @ ROSNI ABDULLAH
Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Sabah

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan di antara kecenderungan *retention* dengan faktor dalaman bilik darjah, faktor peringkat sekolah, faktor komuniti dan faktor keluarga/peribadi dalam kalangan guru-guru sekolah kurang murid (SKM) daerah Sipitang, Sabah. Keempat-empat variabel ini adalah berdasarkan kepada Model *Retention* Guru yang dikemukakan oleh Boylan *et al.* (1993) dan dinamakan sebagai *Four Spheres of Influence*. Tiga ciri demografi iaitu jantina, umur dan tempat asal juga dikaji. Seramai 46 orang guru dari 8 buah SKM terlibat dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik yang mengandungi 44 item dengan skala Likert empat mata. Kesahan item-item diuji melalui nilai Alpha Cronbach. Analisis korelasi yang dijalankan untuk melihat hubungan faktor dalaman bilik darjah, faktor peringkat sekolah, faktor komuniti dan faktor keluarga/peribadi dengan *retention* guru menunjukkan hubungan signifikan pada tahap sederhana. Hasil Ujian-t dan Analisis Varian Sehala (ANOVA) mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan kecenderungan *retention* yang signifikan antara guru berdasarkan ciri demografi jantina, umur dan tempat asal. Perbandingan di antara keempat-empat faktor yang tersebut di atas iaitu faktor dalaman bilik darjah, faktor peringkat sekolah, faktor komuniti dan faktor keluarga/peribadi mendapati faktor komuniti menunjukkan tahap signifikan yang paling tinggi (0.577) diikuti oleh faktor dalaman bilik darjah (0.537), faktor keluarga/peribadi (0.497) dan akhir sekali faktor peringkat sekolah (0.419). Dapatan ini menunjukkan bahawa persekitaran komuniti memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan *retention* guru.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

The aim of this study is to identify whether there is a significant relationship between teachers' retention with internal classroom, school level, community and family/personal factors among teachers in under-enrolled schools in Sipitang, Sabah. These four factors are based on The Teacher Retention Model introduced by Boylan et al. (1993) and are referred to as The Four Spheres of Influence. Three demographic characteristics that is gender, age and hometown are also being studied. 46 teachers from 8 under-enrolled schools participated in the study. Questionnaires which consisted of 44 items with four-point Likert scale were used as the research instrument. Reliability of the instruments was measured by Cronbach's alpha. Correlation analysis carried out shows that the relationship between each factor (internal classroom, school level, community and family/personal) with teacher retention is at a moderate level. The results of the t-test and one way analysis variant (ANOVA), show that there are no significant difference in teacher retention with regard to gender, age and hometown. Comparison made on these four factors shows that community has the highest significant relationship with teacher retention (0.577) followed by internal classroom (0.537), family/personal (0.497) and school level (0.419). These indicates that community plays an important role in teacher retention.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SINGKATAN

BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
EPPRD	Education Policy Planning and Research Division
ERG	Expectancy – Relation – Growth
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
ICT	Information and Communication Technology
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
LPPLB	Lonjakan Perdana Pendidikan Luar Bandar
MSC	Multimedia Super Corridor
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PPG	Pejabat Pelajaran Gabungan
SKM	Sekolah Kurang Murid
SPSS	Statistical Package for Social Sciences

KANDUNGAN

BAB 1 : PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.2.1	Dasar Berhubung Dengan Pendidikan Sekolah Rendah	2
1.2.2	Isu-Isu Berkaitan SKM	3
1.2.3	Keddudukan Terkini SKM	5
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Tujuan Kajian	9
1.6	Soalan Kajian	9
1.7	Hipotesis Kajian	10
1.8	Kepentingan Kajian	12
1.9	Skop Kajian	13
1.10	Batasan Kajian	13
1.11	Hasil Jangkaan Kajian	14
1.12	Definisi Operasional	15
1.13	Rumusan	16

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	18
-----	-------------	----

2.2	Latar Belakang Perkembangan Pendidikan Rendah Di Malaysia	19
2.3	Usaha Kerajaan Untuk Meningkatkan Kualiti Pendidikan Sekolah Rendah	22
2.3.1	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah	22
2.3.2	Sekolah Bestari Dan Pembestarian Sekolah	23
2.3.3	Memperkasakan Sekolah Kebangsaan	25
2.3.4	Merapatkan Jurang Pendidikan	27
2.3.5	Lonjakan Perdana Pendidikan Luar Bandar (LPPLB)	29
2.4	Kajian Berhubung Dengan SKM Di Malaysia	30
2.5	Status SKM Di Malaysia Kini	34
2.6	<i>Retention</i> Guru Dan Teori-Teori Berkaitan	38
2.6.1	Motivasi Bekerja	40
2.6.2	Komitmen Organisasi	50
2.6.3	Kepuasan Kerja	52
2.7	Kerangka Teoritikal Kajian	53
2.8	Kajian Berkaitan Dengan <i>Retention</i> Guru	54
2.9	Faktor Yang Mempengaruhi <i>Retention</i> Guru	56
2.9.1	Aktiviti Dalam Bilik Darjah	58
2.9.2	Aktiviti Peringkat Sekolah	58
2.9.3	Aktiviti Berhubung Dengan Komuniti	60
2.9.4	Faktor Keluarga/Peribadi	61
2.10	Kerangka Konseptual Kajian	62
2.11	Rumusan	63

BAB 3 : METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	65
3.2	Metodologi Kajian	65
3.2.1	Reka Bentuk Kajian	65
3.2.2	Sampel Kajian	66
3.2.3	Instrumen Kajian	67
3.2.4	Kajian Rintis	69
3.2.5	Tatacata Kajian	71
3.3	Kaedah Statistik Yang Digunakan	72

BAB 4 : ANALISIS DATA

4.1	Pendahuluan	76
4.2	Profil Sampel	76
4.3	Pengujian Hipotesis	83
4.3.1	Hipotesis 1	83
4.3.2	Hipotesis 2	84
4.3.3	Hipotesis 3	85
4.3.4	Hipotesis 4	85
4.3.5	Hipotesis 5	86
4.3.6	Hipotesis 6	87
4.3.7	Hipotesis 7	88
4.4	Rumusan	89

BAB 5 : PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	91
5.2	Pendekatan Kajian	92
5.3	Ciri Demografi Responden	93
5.4	Rumusan	94
5.4.1	Latar Belakang Guru	95
5.4.2	Faktor Dalaman Bilik Darjah	95
5.4.3	Faktor Peringkat Sekolah	96
5.4.4	Faktor Komuniti	96
5.4.5	Faktor Keluarga/Peribadi	97
5.5	Perbincangan	98
5.6	Cadangan Kajian Akan Datang	103
5.7	Penutup	104
RUJUKAN		106



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1 :	Jumlah SKM Di Bawah Pentadbiran PPG Beaufort	6
Jadual 1.2 :	Jarak SKM Daerah Sipitang Dari Pekan Sipitang	6
Jadual 2.1 :	Aspek-Aspek Umum Dalam Kepuasan Kerja	52
Jadual 2.2 :	Anteseden Kepuasan Kerja	53
Jadual 3.1 :	Sampel Kajian	67
Jadual 3.2 :	Agihan Item Soalan Mengikut Dimensi	69
Jadual 3.3 :	Keputusan Ujian Cronbach Alpha	70
Jadual 3.4 :	Tatacara Kajian	72
Jadual 3.5 :	Ujian-Ujian Statistik	73
Jadual 3.6 :	Penilaian Koefisien Korelasi	73
Jadual 4.1 :	Bilangan Soal Selidik Yang Dikutip	77
Jadual 4.2 :	Taburan Frekuensi Dan Peratus Bagi Demografi	82
Jadual 4.3 :	Analisis Korelasi Retention Guru Dengan Faktor Dalam Bilik Darjah	83
Jadual 4.4 :	Analisis Korelasi Retention Guru Dengan Faktor Peringkat Sekolah	84
Jadual 4.5 :	Analisis Korelasi Retention Guru Dengan Faktor Komuniti	85
Jadual 4.6 :	Analisis Korelasi Retention Guru Dengan Faktor Keluarga/Peribadi	86
Jadual 4.7 :	Keputusan Ujian-t Untuk Membandingkan Retention Guru Mengikut Jantina	87

Jadual 4.8 :	Keputusan Analisis ANOVA Untuk Membandingkan Retention Guru Mengikut Tempat Asal	88
Jadual 4.9 :	Keputusan Analisis ANOVA Untuk Membandingkan Retention Guru Mengikut Umur	89
Jadual 4.10 :	Rumusan Dapatan Kajian	89



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1 :	Ciri-Ciri Sekolah Perkasa	26
Rajah 2.2 :	Peratus Sekolah Kecil Mengikut Enrolmen 2005	35
Rajah 2.3 :	Peratus Sekolah Kurang Murid Mengikut Bilangan Murid Pada Tahun 2005	36
Rajah 2.4 :	Bilangan Sekolah Kecil 2005	36
Rajah 2.5 :	Hirarki Keperluan Maslow	42
Rajah 2.6 :	Anteseden Bagi 3 Komponen Komitmen Organisasi	51
Rajah 2.7 :	Kerangka Teoritikan Kajian	54
Rajah 2.8 :	Model <i>Retention</i> Guru	57
Rajah 4.1 :	Responden Mengikut Jantina	78
Rajah 4.2 :	Responden Mengikut Bangsa	78
Rajah 4.3 :	Responden Mengikut Tempat Asal	79
Rajah 4.4 :	Responden Mengikut Umur	79
Rajah 4.5 :	Responden Mengikut Kelulusan Akademik	80
Rajah 4.6 :	Responden Mengikut Kelulusan Ikhtisas	80
Rajah 4.7 :	Responden Mengikut Skim Perkhidmatan	81

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Isu berkaitan dengan Sekolah Kurang Murid (SKM) semakin hebat diperkatakan lebih-lebih lagi setelah Kementerian Pelajaran Malaysia menganjurkan Seminar Pendidikan Luar Bandar di Subang Jaya pada 16 Ogos 2005. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan pada masa itu, terdapat sebanyak 2,260 buah SKM di seluruh negara dan bilangan guru yang ditempatkan untuk berkhidmat di sekolah berkenaan adalah seramai 18,528 orang (Utusan Malaysia, 17 Ogos 2005). Semasa seminar tersebut berlangsung, pelbagai masalah berkaitan dengan pendidikan luar bandar termasuklah SKM ditimbulkan. Antaranya adalah kekurangan kemudahan asas, kadar keciciran yang tinggi, kualiti pendidikan dan prestasi pencapaian akademik yang rendah, kekurangan guru berpengalaman dan tidak mempunyai opsyen sesuai, serta tidak ketinggalan juga kadar pusing ganti (*turnover*) yang tinggi dalam kalangan guru (The Star, 17 Ogos 2005; New Straits Times, 17 Ogos 2005; Berita Harian, 11 Jun 2005). Terdapat ramai guru yang memohon untuk berpindah keluar dari sekolah berkenaan setelah tempoh wajib tiga tahun berkhidmat tamat.

Memandangkan bahawa peranan guru adalah amat penting dalam memastikan kualiti pendidikan yang diterima oleh pelajar dapat dijamin dan menjadikan sekolah itu sekolah berkesan, maka adalah amat wajar sekiranya isu pusing ganti dalam kalangan guru ini dapat ditangani secara bijaksana. Salah satu pendekatan yang boleh

dilakukan dalam menangani isu ini ialah dengan melihat faktor-faktor yang membawa kepada *retention* guru-guru di SKM. Dalam lain perkataan, apakah yang boleh menyebabkan seseorang guru itu boleh kekal berkhidmat di sesebuah SKM, berapa lamakah mereka sanggup berkhidmat di situ dan siapakah guru-guru berkenaan. Faktor-faktor yang boleh membawa kepada *retention* guru ini perlu dikenal pasti terlebih dahulu sebagai langkah ke arah mengatasi atau sekurang-kurangnya mengurangkan pusing ganti dalam kalangan guru-guru di SKM. Hingga setakat ini, walaupun terdapat kajian berkaitan dengan *retention* pekerja di sektor perniagaan namun tidak ada kajian yang dilakukan berhubung dengannya dijalankan di SKM. Kajian-kajian yang dijalankan sebelum ini lebih berfokus kepada melihat keberkesanan SKM dalam aspek pengurusan dan pengajaran dan pembelajaran (BPPDP,1994a), kemudahan asrama SKM (BPPDP, 1994b), di samping masalah-masalah yang wujud ataupun status SKM (BPPDP, 1998). Oleh kerana itu, kajian ini akan memberi sumbangan dari segi memahami ciri-ciri dan perspektif guru-guru yang setia kekal berkhidmat di SKM.

1.2 Latar Belakang Kajian

1.2.1 Dasar Berhubung Dengan Pendidikan Sekolah Rendah

Akta Pendidikan 1996 menggariskan bahawa pendidikan rendah menjadi pendidikan wajib, iaitu setiap kanak-kanak yang mencapai umur enam tahun pada hari pertama bulan Januari didaftarkan sebagai murid sekolah rendah dalam tahun itu, dan terus menjadi murid di sekolah rendah di sepanjang tempoh pendidikan rendah selama enam tahun. Dasar Pendidikan Wajib ini

adalah bertujuan untuk memastikan bahawa pendidikan rendah diberi kepada kanak-kanak agar tidak ada seorang pun dalam kalangan mereka tercicir dari memperolehi pendidikan. Selain itu, sistem pendidikan di Malaysia juga memberi penekanan kepada konsep Pendemokrasian Pendidikan. Konsep ini berpaksi kepada penyediaan peluang pendidikan yang sama rata dan saksama kepada segenap lapisan masyarakat untuk mendapatkan pendidikan terbaik dan berkualiti, menyediakan peluang kepada murid mencapai kemajuan mengikut kebolehan masing-masing, di samping memastikan semua kanak-kanak mendapat pendidikan sewajarnya berdasarkan peringkat umur mereka. Pendidikan berkualiti bukan sahaja diutamakan kepada mereka di bandar malah ia juga mencakupi mereka di luar bandar kerana di situlah sebenarnya terletak masa depan bangsa dan negara.

1.2.2 Isu Berkaitan Sekolah Kurang Murid (SKM)

Berikutan pelaksanaan pendidikan wajib dan pendemokrasian pendidikan ini, pihak kerajaan telah membina sekolah-sekolah, baik di bandar mahupun di luar bandar. Untuk tujuan itu juga, pihak kerajaan telah menyusun pelbagai strategi termasuklah meningkatkan akses dan kadar penyertaan pada semua peringkat pendidikan dengan menyediakan infrastruktur, kemudahan, guru, dan bantuan sokongan yang mencukupi (Azmi, 2005). Memandangkan taburan kepadatan penduduk yang rendah terutamanya di luar bandar akibat kepadatan penduduk yang rendah dan migrasi keluar penduduk setempat ke kawasan bandar, maka wujudlah sekolah-sekolah yang mempunyai enrolmen murid yang rendah. Statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran

Malaysia pada tahun 2005 menunjukkan bahawa daripada 10 000 buah sekolah rendah di seluruh negara, 2,261 daripadanya adalah SKM (Utusan Malaysia, 17 Ogos 2005). Di negeri Sabah sahaja, 67% daripada 1 060 buah sekolah rendah merupakan SKM.

Walaupun bagaimanapun kewujudan SKM ini telah menimbulkan pelbagai isu, dan salah satu daripadanya adalah isu berkaitan dengan kadar pusing ganti yang tinggi dalam kalangan guru-guru di SKM. Meskipun terdapat cadangan untuk mendirikan sekolah berpusat sebagai menggantikan SKM sedia ada, namun kewujudan SKM terutama sekali di kawasan pedalaman negeri Sabah masih lagi relevan. Ini adalah kerana keadaan geografi, taburan penduduk yang rendah di kawasan luar bandar, dan lokasi sekolah yang sangat jauh di antara satu dengan yang lain tidak memungkinkan para pelajar untuk belajar di sekolah berpusat tersebut. Keadaan ini dirumitkan lagi oleh keengganan sesetengah ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah berpusat kerana lokasi sekolah berpusat berkenaan terlalu jauh dari kampung halaman mereka. Keputusan untuk melepaskan anak-anak mereka untuk tinggal di asrama sekolah berpusat bukanlah merupakan suatu perkara mudah lebih-lebih lagi sekiranya anak-anak mereka itu masih lagi berumur 6 hingga 8 tahun. Pada usia muda ini kanak-kanak tersebut masih belum dapat menguruskan diri dengan baik dan masih belum bijak berdikari.

Justeru itu, sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan kualiti pendidikan di SKM, perhatian perlu ditumpukan kepada satu faktor utama iaitu

faktor guru. Sekiranya SKM masih berhadapan dengan masalah kekurangan guru dan diburukkan lagi oleh kadar pusing ganti yang tinggi dalam kalangan guru, maka sudah tentulah SKM masih lagi tetap berada di takuk lama. Isu-isu yang dihadapi seperti kualiti pendidikan yang rendah, kekurangan guru kerana kadar pusing ganti guru yang tinggi dan keengganan guru untuk berkhidmat di luar bandar, SKM yang tidak *cost-effective* dari segi pengurusan dan penyelenggaraan tidak akan dapat diselesaikan. Oleh itu, gejala pusing ganti ini perlu ditangani terlebih dahulu dengan melihat faktor-faktor yang membawa kepada *retention* guru-guru di SKM. Ketika ini, dianggarkan kira-kira 14,000 guru sedang berkhidmat di kawasan pedalaman di seluruh negara (Berita Harian, 12 Februari 2007). Berdasarkan kepada keadaan ini, penyelidik berpendapat bahawa satu kajian yang ada kaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi *retention* dalam kalangan guru di SKM perlu dilakukan.

1.2.3 Kedudukan Terkini SKM

Kajian ini memberi tumpuan khusus kepada SKM di daerah Sipitang. Sekolah-sekolah dalam daerah ini adalah di bawah pentadbiran Pejabat Pelajaran Gabungan Beaufort (PPG Beaufort). Berdasarkan kepada data yang diperolehi daripada PPG Beaufort, daripada jumlah 157 buah sekolah rendah dalam PPG Beaufort, 85 buah atau 54.1% adalah SKM (Pejabat Pelajaran Gabungan Beaufort, 2006). Di daerah Sipitang sahaja, terdapat sebanyak sepuluh buah SKM yang mana lapan buah daripadanya adalah Sekolah Kebangsaan (SK) dan yang selebihnya dua buah adalah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK). Jadual 1.1 di bawah menunjukkan bilangan SKM di bawah pentadbiran PPG

Beaufort. Jadual 1.2 pula menunjukkan jarak SKM berkenaan dari Pekan Sipitang.

**Jadual 1.1 : Jumlah SKM Di Bawah Pentadbiran PPG Beaufort
(Sumber : PPG Beaufort, 2006)**

Daerah	Sekolah Rendah	Bilangan SKM	Jumlah Pelajar
Papar	42	21	1621
Beaufort	41	22	1615
Kuala Penyu	26	21	1479
Sipitang	25	10	570
Membakut	23	11	796
Jumlah	157	85	6081

**Jadual 1.2 : Jarak SKM Daerah Sipitang Dari Pekan Sipitang
(Sumber : PPD Sipitang, 2006)**

Nama Sekolah	Jarak Dari Pekan Sipitang
SK. Lubok Darat	16km
SK. Kebawang	40km
SK. Banting	19km
SK. Kuala Mengalong	22km
SK. Lubang Buaya	14km
SK. Solob	60km
SK. Ulu Bole	70km
SK. Long Pasia	130km
SRJK(C) Chung Hwa Mesapol	7km
SRJK(C) Sin Boon Sindumun	18km

1.3 Penyataan Masalah

Guru-guru yang dapat kekal lama berkhidmat di sesebuah sekolah pastinya dapat menimba pengalaman dan pengetahuan untuk menjadi guru yang lebih berkualiti seterusnya berupaya juga memberi sumbangan dalam meningkatkan kualiti pendidikan para pelajar. Kajian oleh Zulkifli (1997) mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara komitmen guru (kesungguhan guru dalam mengajar) dengan kecemerlangan akademik pelajar. Sementara itu, Reid *et al.* (1987 dalam Sharifah, 2000) merumuskan bahawa dapatan kajian mereka menunjukkan kualiti guru adalah faktor yang paling penting untuk menentukan keberkesanan sekolah. Oleh itu guru-guru yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kualiti adalah amat perlu untuk kemajuan sesebuah sekolah. Guru-guru seumpama ini amat diperlukan lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar yang kebanyakannya adalah terdiri daripada SKM.

Dalam ucap tama semasa merasmikan Seminar Pendidikan Luar Bandar, Yang Berhormat Menteri Pelajaran Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein menyatakan bahawa kadar pusing ganti dalam kalangan guru-guru di SKM adalah tinggi. Kadar pusing ganti yang tinggi dalam kalangan guru-guru di SKM menyebabkan SKM mengalami kerugian dari segi guru berpengalaman yang sememangnya amat perlu sekiranya kualiti pendidikan di SKM hendak ditingkatkan. Guru-guru baru pula perlu dihantar ke SKM berkenaan bagi menggantikan mereka. Guru-guru baru memerlukan tempoh masa tertentu untuk menyesuaikan diri dan menimba pengalaman *on-site* terutama sekali dalam menangani dan memahami perbezaan latar belakang, karenah

dan perbezaan individu murid-muridnya di samping memantapkan kekuatan pedagogi dan kemahiran pengurusan bilik darjah mereka.

Walau bagaimanapun, di Malaysia, hingga setakat ini tidak ditemui sebarang kajian dilakukan berhubung dengan faktor-faktor yang boleh berkaitan dengan *retention* guru-guru di SKM. Memandangkan masalah pusing ganti dalam kalangan guru semakin meruncing dan *retention* guru di SKM amat kritikal sekiranya kita ingin memastikan kejayaan SKM, kajian ini amat perlu dijalankan untuk mengenal pasti perkara-perkara yang berkaitan dengan kecenderungan *retention* kerja dalam kalangan guru-guru SKM. Pengetahuan daripada kajian ini adalah amat penting kerana dengan adanya pengetahuan ini strategi yang sesuai dan berkesan dapat dirangka oleh pihak yang berkaitan agar guru akan dapat berkhidmat untuk tempoh masa yang lama di SKM. Justeru itu, kajian ini mengaitkan kecenderungan *retention* guru dengan pembolehubah-pemboleh ubah tak bersandar iaitu, (i) faktor dalaman bilik darjah, (ii) faktor peringkat sekolah, (iii) komuniti, dan (iv) keluarga/peribadi.

1.4 Objektif kajian

Objektif kajian ini secara khusus adalah untuk:

- (i) Mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara *retention* guru di SKM daerah Sipitang dengan faktor dalaman bilik darjah.
- (ii) Mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara *retention* guru di SKM daerah Sipitang dengan faktor peringkat sekolah.
- (iii) Mengetahui sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara *retention* guru di SKM daerah Sipitang dengan faktor komuniti, dan

- (iv) Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara *retention* guru di SKM daerah Sipitang dengan faktor keluarga/peribadi.
- (v) Mengenal pasti sama ada kecenderungan *retention* guru berbeza antara guru lelaki dan guru perempuan.
- (vi) Mengenal pasti sama ada kecenderungan *retention* guru berbeza dalam kalangan guru mengikut tempat asal.
- (vii) Mengenal pasti sama ada kecenderungan *retention* guru berbeza dalam kalangan guru mengikut umur.

1.5 Tujuan Kajian

Kajian ini cuba untuk mengkaji faktor-faktor yang berkaitan dengan kecenderungan *retention* dalam kalangan guru SKM daerah Sipitang. Secara khususnya, kajian ini cuba untuk menyelidik hubungan antara *retention* guru dengan faktor dalaman bilik darjah, faktor peringkat sekolah, faktor komuniti dan faktor keluarga/peribadi dan perbezaan *retention* dalam kalangan guru berdasarkan ciri-ciri demografi iaitu jantina, tempat asal dan umur.

1.6 Soalan Kajian

Soalan kajian menyatakan masalah yang cuba dijawab dalam kajian dengan ringkas dan jelas (Cates, 1990). Allison (1996 dalam Sulaiman Shamsuri, 2005) memberi penegasan bahawa soalan kajian yang boleh dianggap sebagai bermakna adalah soalan kajian yang diolah sedemikian rupa sehingga ia menunjukkan dengan jelas apa yang diterima sebagai jawapan oleh seseorang individu.

Melalui kajian ini, beberapa soalan diharap akan dapat dijawab.

- (i) Adakah kecenderungan *retention* dalam kalangan guru di SKM mempunyai hubungan yang signifikan dengan faktor dalaman bilik darjah?
- (ii) Adakah kecenderungan *retention* dalam kalangan guru di SKM mempunyai hubungan yang signifikan dengan faktor peringkat sekolah?
- (iii) Adakah kecenderungan *retention* dalam kalangan guru di SKM mempunyai hubungan yang signifikan dengan faktor komuniti?
- (iv) Adakah kecenderungan *retention* dalam kalangan guru di SKM mempunyai hubungan yang signifikan dengan faktor keluarga/peribadi?
- (v) Adakah kecenderungan *retention* guru berbeza antara guru lelaki dan guru perempuan?
- (vi) Adakah kecenderungan *retention* guru berbeza dalam kalangan guru mengikut tempat asal ?
- (vii) Adakah kecenderungan *retention* guru berbeza dalam kalangan guru mengikut umur ?

1.7 Hipotesis Kajian

Menurut Cates (1990), hipotesis merupakan kenyataan yang menunjukkan kaitan di antara dua pembolehubah atau lebih di dalam sesuatu penyelidikan. Ia adalah jangkaan penyelidik tentang penemuan penyelidikan yang akan diperolehinya kelak. Sulaiman Masri (2005) pula menjelaskan hipotesis sebagai pernyataan sementara tentang sesuatu yang kebolehpercayaannya biasanya tidak diketahui. Sementara itu, Sulaiman Shamsuri (2005) merujuk hipotesis sebagai *intelligent guess* yang dilakukan oleh penyelidik berhubung dengan isu yang dikaji. Bagi Chua (2006) pula, hipotesis